

**KAJIAN SIKAP MINDA  
RAKYAT KELANTAN: TINJAUAN DARI  
ASPEK POLITIK DAN AGAMA**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**Disediakan oleh:**

**PROF. MADYA ZULKARNAIN YUSOF  
DATO' PROF. MADYA DR. HUSSIN @ MOHAMAD AB. RAHMAN  
WAN FAUZI WAN MAMAT  
PROF. MADYA MOHD SAFRI YA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**JULAI 2003**

## PENGHARGAAN

Kami para penyelidik telah berjaya menyelesaikan projek ini yang bertajuk; "Kajian Sikap Minda Rakyat Kelantan, Satu Tinjauan Dari Aspek Pemikiran Politik Dan Agama", merasa terhutang budi kepada Biro Penyelidikan Dan Perundingan UiTM. Oleh itu, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas pemberian peruntukan bagi menyiapkan projek ini sebanyak hampir RM10,000.00.

Terima kasih juga kami tujukan kepada Dato' Pengarah UiTM Machang, Dato' Profesor Madya Dr. Husin Ab Rahman yang juga merupakan ahli projek ini di atas sokongan dan dorongan daripada beliau. Juga, terima kasih kepada para pembantu penyelidik yang terdiri daripada pelajar-pelajar UiTM Machang di bawah penyeliaan En. Ismail Ishak dan semua kakitangan yang terlibat.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan yang mencetuskan idea sehingga terlaksananya projek ini. Demikian juga, terima kasih kepada semua 400 orang responden yang terlibat dari seluruh Negeri Kelantan. Semoga Allah s.w.t. akan membalas jasa mereka semua. Terima kasih.

Dari Penyelidik.

# ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Prakata	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii-vii
Senarai Jadual	viii-x
Senarai Carta	xi
Abstrak	xii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Objektif	2
1.3 Kepentingan Projek	2
1.4 Skop Kajian	2
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Kajian Literatur Dan Latarbelakang Negeri Kelantan	3-4
2.1.1 Penduduk	4-5
2.1.2 Aktiviti-aktiviti Ekonomi	5-6
2.2 Definisi Terma/Konsep Dalam Objektif	6
<b>BAB 3: METHODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	
3.1 Populasi Dan Skop Kajiselidik	7
3.2 Pensampelan	7
3.3 Pembahagian Optimum	8-11
3.4 Soalselidik	12
3.5 Pemprosesan Data	13

## ABSTRAK

Sikap minda dan pemikiran masyarakat Kelantan banyak dipengaruhi oleh sosio-budaya yang tersendiri. Ini termasuk juga dari sudut pemikiran politik dan keagamaan. Kajian menunjukkan 91% masyarakat Kelantan "response" terhadap politik semasa. Mereka memberi reaksi yang positif walaupun sekadar ambil tahu sahaja. Hakikat ini menggambarkan kesedaran politik yang tinggi di kalangan mereka. Dalam konteks fahaman politik, didapati 42% menyokong UMNO, 24% menyokong PAS, dan 34% adalah golongan atas pagar. Golongan atas pagar adalah penentu kepada kemenangan mana-mana parti yang bertanding dalam pilihanraya umum. Kecenderungan masyarakat juga menunjukkan faktor agama banyak mempengaruhi kemenangan calon-calon dalam pilihanraya. Minat terhadap parti-parti politik juga berbeza. Bagi UMNO, ialah keutamaan terhadap pembangunan dan kemajuan. Manakala PAS pula, atas sentimen keagamaan. Namun begitu majoriti responden atau 62% menyatakan nilai agama, atau bersih keperibadiannya mendominasi ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan oleh masyarakat Kelantan. Masyarakat Kelantan juga merupakan pendokong sistem demokrasi negara. Ini terbukti apabila 54% daripada responden menyatakan ianya terpelihara dengan baik. Mereka juga berpendapat bahawa perjuangan utama para pemimpin melayu ialah mesti mengutamakan bangsa dan negara. Masyarakat Kelantan menerima kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, di mana 82% responden menyatakan pendiriannya dan sekaligus menolak andaian bahawa masyarakat Kelantan tidak sukakan beliau.

# BAB 1: PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan:

Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang penduduknya adalah lebih 90% Melayu. Perkembangan yang berlaku di Negeri Kelantan ini adalah unik sama ada dari segi politik, ekonomi, dan sosial. Beberapa kajian pernah dilakukan sama ada oleh pihak universiti tempatan atau agensi kerajaan seperti FELDA, MAMPU, dan sebagainya terutama dari aspek sosio-ekonomi masyarakat Kelantan. Namun begitu, kajian yang menyeluruh dari aspek politik, ekonomi, sosial, dan agama tidak dilakukan terutama dalam konteks sepadu dan menyeluruh.

Justeru kerana itu, satu kajian menyeluruh yang menyentuh aspek minda dan pemikiran masyarakat Kelantan perlu dilakukan. Perhatian utama ialah dalam konteks pemikiran politik dan kaitannya dengan pemikiran keagamaan. Hasilnya nanti diharapkan dapat mengenalpasti bentuk pemikiran masyarakat Kelantan melalui pernyataan minda mereka khususnya dari sudut politik dan keagamaan dan mungkin juga perkaitannya dengan aspek yang lain.

Kajian seperti ini mungkin dapat membantu pihak tertentu khususnya Kerajaan Persekutuan dalam merangka pembangunan di Negeri Kelantan untuk faedah semua rakyat. Oleh itu, pentingnya mengenalpasti corak pemikiran dan sikap minda rakyat Kelantan dengan penekanan khusus dari aspek pemikiran politik dan keagamaan.